

Asean alukan K'puchea menjadi anggota

KUALA LUMPUR, Khamis — Asean sememangnya mengalu-alukan hasrat Kampuchea untuk menjadi anggota kumpulan serantau itu, demikian Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Bagaimanapun, soal tersebut adalah terlalu awal dibincangkan pada masa ini.

Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie menjelaskan apa yang lebih penting sekarang ialah usaha memulihkan negara itu mengikut perisytiharan persidangan antarabangsa mengenai Kampuchea (ICK).

Dalam jawapan bertulis kepada pertanyaan anggota BN Kemaman, Encik Ismail Said, beliau menjelaskan:

"Apabila keadaan di negara itu telah dipulihkan mengikut pengisytiharan ICK dan kerajaan yang terpilih memutuskan untuk menganggotai Asean, saya tidak nampak kenapa negara-negara Asean tidak akan mengalu-alukan hasrat tersebut."

Beliau berkata, tujuan utama Kerajaan Campuran Kampuchea yang diketuai oleh Putera Norodom Sihanouk ialah untuk membebaskan negara itu dari penaklukan kuasa asing berdasarkan perisytiharan ICK.

"Sukacita juga saya nyatakan bahawa dari maklumat-maklumat yang kita perolehi sebahagian besar rakyat Kampuchea mengalu-alukan penubuhan kerajaan campuran ini termasuk juga dari kalangan askar dan pegawai pegawai rejim boneka Heng Samrin yang terdapat di Phnom Penh," tambahnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia